

Soalan No: 79

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 24.7.2017

SOALAN :

Dato' Sri Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan tentang sejauh manakah perancangan pihak Kementerian dalam menyediakan sekolah-sekolah yang lebih memberi fokus dalam bidang kreatif dan teknologi selain dari sekolah-sekolah vokasional yang sedia ada dalam memastikan Malaysia mampu melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berdaya saing dalam bidang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan pendidikan yang disediakan mampu menyediakan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi dan mampu bersaing di peringkat global. Antara strategi yang dilaksanakan ialah:

- i. Memasukkan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) secara eksplisit ke dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) setiap mata pelajaran bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

- ii. Melaksanakan Kursus i-THINK Dalam Talian (KiDT), Kursus i-THINK Luar Talian (KiLT) dan Kursus iTHINK Secara bersemuka (KiSB) kepada warga pendidik.
- iii. Mewujudkan sekolah model yang membudayakan KBAT sebagai rujukan di peringkat daerah melalui program penarafan 282 buah sekolah yang membudayakan KBAT.
- iv. Menaik taraf kurikulum TMK di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) melalui pelaksanaan Modul TMK yang diajar merentas kurikulum mata pelajaran. Di bawah Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pula, mata pelajaran Asas Sains Komputer di peringkat menengah rendah dan Sains Komputer di peringkat menengah atas diperkenalkan dengan memberi lebih penekanan kepada kemahiran pemikiran komputasional
- v. KPM juga memperkenalkan mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di bawah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai tahun 2014 berteraskan kepada kemahiran mereka bentuk menggunakan teknologi dengan menggabungkan pelbagai bidang pengetahuan dan kemahiran iaitu teknikal, teknologi pertanian dan sains rumahtangga.
- vi. Di bawah pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mata pelajaran RBT diperkenalkan kepada murid mengenai kriteria reka bentuk menggunakan teknologi dalam pembinaan dan pembuatan produk.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN : 80

Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan di setiap Daerah di negeri Terengganu selain daripada daerah Kuala Terengganu dan Kemaman khususnya di daerah Dungun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) telah mempunyai 3 buah pejabat dan pejabat cawangan iaitu di Besut, Kemaman dan UTC Kuala Terengganu yang beroperasi di Negeri Terengganu bagi menawarkan pelbagai kemudahan perkhidmatan kepada pelanggan.

Pada masa ini JPJ sedang mengkaji perluasan perkhidmatan di daerah-daerah lain untuk memperluaskan perkhidmatan dan membuka cawangan baharu. Sebagai langkah proaktif bagi menampung permintaan terhadap perkhidmatan JPJ, JPJ Negeri Terengganu turut mengadakan perkhidmatan kaunter bergerak ke kawasan yang memerlukan. Di samping itu, perkhidmatan asas JPJ juga boleh diperolehi di kaunter Pos Malaysia.